Pemangkin Fikiran Rakyat
www.utusan.com.my
UTUSAN MALAYSIA

HARI : SABTU
TARIKH : 29/6/2019
M/SURAT : 12

Harga RON97 naik 11 sen

PUTRAJAYA 28 Jun – Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 11 sen seliter bermula esok hingga 5 Julai depan iaitu daripada RM2.38 seliter kepada RM2.49 seliter.

Walau bagaimanapun, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, dalam tempoh sama, harga runcit petrol RON95 kekal pada paras RM2.08 seliter.

Menurutnya, harga runcit diesel juga kekal pada paras RM2.18 seliter.

"Berdasarkan pengiraan di bawah formula Automatic Pricing Mechanism (APM), harga runcit produk petrol RON95 dan diesel bagi tempoh yang sama sepatutnya adalah sebanyak RM2.19 seliter dan RM2.28 seliter masing-masing.

"Namun, harga runcit bagi kedua-dua produk adalah dikekalkan pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter selaras dengan keputusan kerajaan untuk menstabilkan harga runcit bagi produk petroleum dan mengurangkan kos sara hidup rakyat," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.